



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENGURUSAN DOKUMEN PERMOHONAN PEMBIAYAAN LPPSA BERSTATUS TAMAT TEMPOH, BATAL DAN TOLAK**

Untuk makluman, borang permohonan pembiayaan atas talian yang telah lengkap diisi dan dicetak perlu dikemukakan kepada LPPSA berserta dokumen sokongan berkaitan **dalam tempoh 90 hari bekerja** dari tarikh permohonan atas talian tersebut dibuat.

Berkuat kuasa **1 Jun 2021**, dokumen permohonan yang dikemukakan selepas tamat tempoh, terbatal atau ditolak tidak akan dikembalikan semula kepada pemohon dan akan diuruskan mengikut tatacara pengurusan dokumen LPPSA.

Selepas tamat tempoh, sistem secara automatik akan menukar status permohonan berkenaan sebagai 'batal'. Oleh itu, pemohon yang berhasrat meneruskan permohonan pembiayaan perlu memohon semula secara atas talian dan mengemukakan dokumen sokongan baharu yang lengkap mengikut jenis pembiayaan kepada LPPSA. Permohonan ini akan dikira sebagai permohonan baharu mengikut kelayakan semasa pemohon.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

**26 MEI 2021**